

Henti halang remaja sertai Puteri UMNO — PM

JUJARA 2 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada semua pemimpin dan ahli UMNO yang sengaja menghalang kemasukan golongan remaja sebagai ahli Puteri supaya menghentikan segera perbuatan mereka.

Presiden UMNO itu berkata, sekatan tersebut tidak seharusnya berlaku memandangkan Puteri di bawah kepimpinan Azalina Othman Said begitu bersemangat membantu usaha parti menambah keahlian.

Katanya, apa yang berlaku sekarang ialah ramai yang memohon untuk menjadi ahli Puteri, tetapi proses untuk mendaftarkan mereka kadangkala terganggu dan diganggu.

"Jangan sesiapa menyekat kemasukan puteri ke dalam UMNO, saya tahu Puteri begitu bersemangat seka-

li," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu di sini.

Sambil menegaskan harapannya kepada Puteri amat besar terutamanya dari segi menarik keahlian baru, ahli-ahli UMNO perlu memastikan sekatan-sekatan tersebut tidak akan berlaku lagi.

Dr. Mahathir yang juga Ketua Bahagian Kubang Pasu menyatakan setiap ahli UMNO patut menyambut baik penyertaan Puteri ke dalam parti kerana ia dapat menjadi saluran kepada generasi muda memahami perjuangan parti.

Beliau turut menafikan dakwaan mengatakan ahli Puteri yang sebenarnya hanya berjumlah 730 orang sahaja di seluruh negara berbanding 80,000 orang seperti diumumkan sebelum ini.

"Saya pergi ke satu seminar anju-

ran Puteri, yang hadir di situ pun dah seribu orang, bukan semua Puteri datang, yang datang pun dah 1,000 orang, takkanlah Puteri ada 730 orang sahaja," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir menjelaskan, wanita yang berumur kurang daripada 35 tahun masih boleh menyertai Pergerakan Wanita sekiranya mereka memilih pergerakan itu.

Bagaimanapun katanya, Wanita UMNO juga harus membenarkan ahli-ahlinya yang dalam lingkungan umur tersebut, menjadi ahli Puteri sekiranya tidak berminat lagi untuk terus bersama mereka.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, walaupun perpindahan ahli daripada Wanita UMNO kepada Puteri UMNO tidak akan menyebabkan penambahan ahli, tetapi ia memberi kesan yang baik kepada parti kerana

pengalaman yang ada dapat diturunkan.

"Saya akui kalau daripada Wanita sendiri ke Puteri tentulah tidak ada penambahan ahli bagi UMNO, namun demikian kita juga hendak supaya tenaga yang mempunyai pengalaman luas yang ada dalam Wanita untuk menyertai Puteri dan menolong pemimpin Pergerakan Puteri.

"Dengan cara ini dapat mewujudkan perhubungan yang baik antara Wanita dan Puteri dan ini akan menguntungkan UMNO, akan menguntungkan orang Melayu dan perjuangan UMNO untuk bangsa, agama dan tanah air," katanya.

Dr. Mahathir turut berharap, Wanita dan Puteri akan dapat bergerak sama ada bersama-sama atau berasingan bagi membantu mengekalkan UMNO sebagai pertubuhan politik yang ulung di negara ini.